



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

31 Ogos 2022

UNTUK SIARAN SEGERA

KUMPULAN YAYASAN SABAH MUNCUL JOHAN DALAM ACARA PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SABAH 2022

KOTA KINABALU (Rabu): Sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Sabah tahun ini, Kumpulan Yayasan Sabah turut serta dalam acara perbarisan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu. Acara sambutan dimeriahkan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin dan YABhg. Toh Puan Datuk Seri Panglima Dr. Norlidah Tan Sri Datuk R.M Jasni serta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor dan isteri serta barisan kabinet negeri.

Dalam acara perbarisan kategori Swasta dan Komersial, Kumpulan Yayasan Sabah telah berjaya mendapat Johan dengan markah penuh 100%. Hadiah disampaikan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Sabah 2022, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun. Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar menzahirkan perasaan gembira dengan pencapaian ini dan mengucapkan tahniah kepada kontinjen perbarisan Kumpulan Yayasan Sabah.

Acara sambutan diserikan dengan Hormat Diraja Pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama oleh Tuan Yang Terutama Tuan Yang di-Pertua Negeri Sabah, perarakan jalur gemilang, perarakan bendera-bendera negeri, perarakan 86 kontinjen dari pelbagai agensi, NGO dan jabatan kerajaan, persembahan koir, penyampaian anugerah khas dan persembahan kebudayaan.



Pic 1: Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar bergambar berkumpulan bersama kontinjen Kumpulan Yayasan Sabah

-----TAMAT-----

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com